

JUU

ISU 03

NOVEMBER 2023

LEX READ

Transgender
Women
In Sports

**PM DR.
NIK SALIDA
MENULIS**



Equal Treatment or
Equal Outcomes?



JUU LEX READ

e-ISSN: 2811-3462

PERCERAIAN:

KETAHUI HAK WANITA DALAM ISLAM

Oleh: Noorsaliza Amin Nudin (noorsaliza9648@uitm.edu.my) &
Nor Laila Ahmad (norlailaahmad@uitm.edu.my)



Jumlah perceraian di negara ini meningkat sebanyak 12% iaitu 56,975 pada tahun 2021 berbanding 50,862 pada tahun sebelumnya

PENGENALAN

Perkahwinan adalah suatu Sunnah yang paling dituntut di dalam agama Islam kerana hikmah perkahwinan disyariatkan oleh Allah SWT adalah agar pasangan suami isteri mendapat kasih sayang berterusan dan rahmat. Namun tidak semua mahligai perkahwinan yang dibina akan berkekalan bahagia dan akhirnya mengambil keputusan untuk mengakhiri perkahwinan mereka dengan penceraian. Islam menyarankan kepada pasangan yang hendak bercerai untuk melantik individu sebagai pendamai antara suami dan isteri namun sekiranya cara perdamaian ini tetap gagal mencapai jalan penyelesaian, maka Islam membenarkan perceraian.

Perceraian adalah suatu fenomena hangat yang sedang berlaku dalam institusi perkahwinan di Malaysia terutamanya di kalangan selebriti. Menurut Laporan Statistik Perkahwinan dan Penceraian Malaysia 2022, jumlah perceraian di negara ini meningkat sebanyak 12 peratus iaitu 56,975 pada tahun 2021 berbanding 50,862 pada tahun sebelumnya.

DEFINISI PERCERAIAN

Definisi dari Segi Bahasa

Perceraian merujuk kepada perpisahan suami isteri disebabkan terputusnya hubungan perkahwinan. Perkataan talak juga bermaksud perceraian iaitu menghuraikan ikatan dan membebaskan. Manakala menurut Kamus Dewan, cerai bermaksud pisah iaitu tidak lagi sebagai suami isteri.

Definisi dari Segi Syarak

Imam Syafie mentakrifkan perceraian sebagai memutuskan akad perkahwinan dengan lafaz talak atau perkataan yang seumpama dengannya. Kesimpulannya, perceraian bermaksud terlerainya ikatan perkahwinan.

PERCERAIAN MENGIKUT HUKUM SYARAK

Perceraian merupakan suatu perbuatan yang diharuskan oleh Islam sebagai jalan penyelesaian terakhir terhadap konflik rumah tangga kerana firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 236:

Tidaklah kamu bersalah dan (tidaklah kamu menanggung mas kahwin) jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu sentuh (bercampur) dengan mereka atau sebelum menetapkan mas kahwin untuk mereka.

Sementara itu, dalam hadith Riwayat Bukhari, Rasullullah SAW pernah bersabda:

Suatu perkara yang halal tetapi amat dibenci oleh Allah ialah talak.

FAKTOR-FAKTOR BERLAKUNYA PERCERAIAN

Peningkatan kadar perceraian adalah disebabkan masalah kewangan kerana menanggung beban hutang yang banyak sekali gus mendatangkan tekanan dan pertelingkahan kepada pasangan suami isteri.

Faktor kedua ialah isu orang ketiga dan poligami. Orang ketiga bermaksud sesiapa sahaja iaitu seorang lelaki atau wanita daripada ahli keluarga suami atau isteri, pasangan kekasih atau masyarakat sekeliling yang menjadi penyebab ketidakharmonian dalam perkahwinan. Selain itu, penyalahgunaan dadah. Dadah adalah musuh nombor satu negara kerana memberi kesan buruk kepada fizikal dan psikologi.

Faktor lain adalah tekanan emosi akibat beban kerja yang menyebabkan keganasan dan penderaan fizikal serta emosi pasangan.

Antara punca lain adalah pasangan tidak sekufu atau perkahwinan antara dua darjah. Latar belakang pasangan yang berbeza bagaikan langit dan bumi turut menjadi punca berlakunya ketidaksefahaman.

Seterusnya perceraian berlaku adalah kerana tiada lagi persefahaman antara pasangan itu sendiri dan berlaku pergaduhan berpanjangan serta pengabaian tanggungjawab dari segi nafkah zahir dan batin.

Begitu juga dengan pasangan yang kurang ilmu agama dan rumah tangga menjadi punca yang menyemarakkan lagi api permusuhan antara pasangan sekiranya berlaku sedikit kesilapan.

HAK-HAK ISTERI SETELAH BERLAKUNYA PERCERAIAN

Apabila berlakunya perceraian di antara pasangan suami isteri, masih ramai lagi isteri yang tidak tahu apakah hak-hak yang timbul setelah perceraian. Isteri boleh menuntut di mahkamah sekiranya hak tidak diberikan oleh bekas suami. Hak yang dimaksudkan ialah:

1. Hak Isteri Terhadap Nafkah

Di sini terdapat tiga jenis nafkah yang boleh dituntut iaitu nafkah idah, tunggakan nafkah dan nafkah anak. Nafkah idah ialah nafkah yang wajib dibayar kepada bekas isteri di dalam tempoh idah disebabkan sesuatu perceraian ialah makanan, pakaian dan tempat tinggal mengikut Hukum Syarak. Manakala, tunggakan nafkah pula ialah hutang ke atas si suami kerana tidak menunaikan nafkah kepada isterinya dalam tempoh perkahwinan.



Hubungan Puteri Sarah, Syamsul makin baik selepas bercerai

Oleh Affan Rostam - Julai 16, 2023 @ 1:52pm
affan.rostam@bh.com.my



Meskipun perkahwinan Puteri Sarah dan Syamsul Yusof dilanda pergolakan akibat orang ketiga, namun kedua-duanya memilih untuk berpisah secara baik. Sumber gambar: Berita Harian

Nafkah anak ialah suatu nafkah wajib ke atas suami atau bapa bagi menanggung nafkah anaknya, sama ada anak dalam jagaannya atau dalam jagaan orang lain. Nafkah anak termasuklah makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan perubatan mengikut kemampuan.

2. Mut'ah

Mut'ah atau bayaran saguhati ialah bayaran wajib yang berpatutan ke atas suami kepada isteri yang telah diceraikan tanpa sebab munasabah mengikut Hukum Syarak. Kadar mut'ah boleh ditentukan melalui persetujuan kedua-dua belah pihak, namun sekiranya terdapat pertikaian maka Mahkamah akan menentukan kadar bayaran mut'ah.

3. Harta Sepencarian

Harta sepencarian ialah harta yang diperolehi bersama-sama semasa perkahwinan yang dituntut oleh bekas isteri berdasarkan sumbangan isteri tersebut di Mahkamah Tinggi Syariah. Harta sepencarian adalah wang ringgit, harta alih, harta tak alih seperti rumah atau apa-apa aset semasa di dalam tempoh perkahwinan.

4. Hadhanah

Hadhanah atau hak jagaan anak bermaksud penjagaan anak-anak yang masih kecil yang belum berupaya untuk menguruskan dirinya sendiri. Mengikut Hukum Syarak dan Undang-undang Keluarga Islam, ibu adalah yang paling berhak menjaga anak-anaknya yang masih kecil iaitu di bawah umur 7 tahun bagi lelaki dan 9 tahun bagi perempuan.

“

Harta sepencarian ialah harta yang diperolehi bersama-sama semasa perkahwinan yang dituntut oleh bekas isteri berdasarkan sumbangan isteri tersebut di Mahkamah Tinggi Syariah. Harta sepencarian adalah wang ringgit, harta alih, harta tak alih seperti rumah atau apa-apa aset semasa di dalam tempoh perkahwinan.

”

Namun, bagi anak yang melebihi had umur di atas, Mahkamah akan menentukan berdasarkan pilihan yang dibuat oleh anak-anak tersebut sama ada ada hendak tinggal bersama ibu atau bapa.

5. Hak Tempat Tinggal

Isteri yang telah diceraikan mempunyai hak untuk tinggal di rumah yang biasa didiaminya semasa perkahwinan. Allah SWT telah menyatakan di dalam **Surah At-Talak ayat ke 6:**

'Tempatkanlah mereka (para isteri) di mana kamu bertempat tinggal menurut kemampuanmu dan janganlah kamu menyusahkan mereka untuk menyempitkan mereka. Dan jika mereka (isteri-isteri yang sudah ditalak) itu sedang hamil, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya hingga mereka bersalin, kemudian jika mereka menyusu (anak-anak)mu untukmu maka berikanlah kepada mereka upahnya dan musyawarahkanlah antara kamu (segala sesuatu) dengan baik dan jika kamu menemui kesulitan maka perempuan lain boleh menyusukan (anak itu) untuknya.'

Ini bermakna tanggungjawab suami memberi tempat tinggal dan nafkah kepada isteri dan anak-anak bukan sahaja semasa tempoh perkahwinan tetapi juga selepas bercerai dengan isteri.

6. Hak Ke Atas Mas Kahwin

Mas kahwin adalah mahar yang wajib diberikan oleh suami kepada isteri semasa berlakunya ikatan perkahwinan, namun sekiranya mas kahwin tersebut masih belum dijelaskan setelah berlaku perceraian maka adalah menjadi hak untuk isteri menuntut mas kahwin tersebut.

7. Hak Memiliki Harta Pemberian Suami

Si suami yang telah menceraikan isterinya tidak boleh mengambil semula pemberian yang diberikan kepada bekas isteri semasa perkahwinan.

HIKMAH PERCERAIAN

Perceraian adalah jalan terakhir setelah semua usaha untuk menyelamatkan perkahwinan telah gagal. Islam menyarankan agar perceraian dilakukan secara baik supaya mereka mempunyai kesempatan untuk membina hidup baru.

Perceraian juga bertujuan untuk mengelakkan mana-mana pihak hidup dalam kesengsaraan zahir dan batin. Suami isteri yang tidak sehaluan akan mengambil jalan singkat untuk mencari hiburan atau hubungan sulit di luar rumah kerana masih terikat dengan perkahwinan, jadi perceraian adalah perkara terbaik agar masing-masing boleh memulakan hidup baru.

PENUTUP

Perceraian adalah pilihan terakhir setelah penyelesaian lain seperti proses perdamaian menggunakan orang tengah telah dilakukan.

Kesimpulannya, tiada sesiapa yang mahukan perceraian di dalam sesuatu perkahwinan namun Islam mengharuskan perceraian sebagai jalan terakhir yang terpaksa dilakukan sekiranya sesuatu perkahwinan itu tidak dapat diselamatkan. Namun apa yang penting adalah kaum hawa perlu tahu hak-hak yang timbul setelah perceraian supaya tidak berlaku sebarang penindasan terhadap isteri yang diceraikan dan dapatlah mereka memulakan hidup baru dengan lebih baik dan tenang.

RUJUKAN

- Ismail, S., Urus, N.S.T., Binawae, F. I. dan Siraji, A.H.A.S. (2022). Perlindungan Hak Isteri Terhadap Unsur Narsisme dan Gashlighting dalam Konflik Keganasan Rumah Tangga Impak Pandemik COVID-19. *Journal of Fatwa Management and Research*. eISSN: 0127-8886 (Online), 2(2).
- Mohamad, R.E., Baharuddin, E., Razali, N., Jaafar, N.A. dan Sah, N.F.M. (2021). Punca Perceraian pasangan Dewasa Islam: Perspektif Badan Pelaksana. *Journal of Fatwa Management and Research*. eISSN: 0127-8886(Online), 26(2), 368-380.
- Nasohah, Z. (2024). Perceraian: Hak Wanita Islam. Utusan Publications and Distributor Sdn Bhd.
- Roslan, N.I. (2023, 21 Januari). Kadar Perceraian Membimbangkan. *Berita Nasional*. <https://www.sinarharian.com.my/article/241595/berita/nasional/kadar-perceraian-membimbangkan>

